

MINIT MESYUARAT PROTEMP KALI KE 4

Tarikh : 14 Disember 2008
Masa : 9.00 malam
Tempat : Surau Raudhotul Firdaus
Kehadiran : 65 orang (Sila lihat lampiran)

1.0 Ucapan Pembukaan

Naib Setiausaha, Azhar Aziz mengucapkan terima kasih dan selamat datang kepada semua ahli yang hadir.

- 1.1 Naib Setiausaha, selaku pengerusi majlis telah membuka cadangan kepada majlis samada barisan Protemp ABRA yang sediada sekarang, meneruskan tugas dan jawatan sebagai AJK Sementara ataupun melantik AJK Sementara yang baru pada malam ini juga.
- 1.2 Sdr. Zulkifley mencadangkan agar AJK Protemp sediada dikekalkan. Beliau juga mencadangkan pemilihan AJK baru untuk menerajui ABRA dilakukan pada AGM yang akan diadakan kelak, iaitu selepas pendaftaran ABRA diluluskan oleh ROS. Sdr Zaini telah menyokong cadangan dan majlis sebulat suara menerima cadangan tersebut.
- 1.3 Naib setiausaha telah memperkenalkan barisan AJK Protem ABRA kepada semua yang hadir.
- 1.4 Sdr Zulkifley juga bertanya samada yuran keselamatan boleh dikurangkan daripada sediada sekarang iaitu RM50. Pengerusi majlis memaklumkan bahawa hal ini akan dibincangkan semasa laporan biro nanti.

2.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Protemp kali ke 3

- 2.1 Naib Setiausaha, selaku pengerusi majlis memohon agar semakan dibuat keatas minit mesyuarat kali ke 3. Pengerusi majlis juga meminta agar semua soalan boleh dikemukakan sewaktu pembentangan laporan setiap biro selepas ini.
- 2.2 Sdr Yuzy telah mencadangkan agar minit mesyuarat kali ke 3 diterima dan disahkan. Sdr. Roslin dan Sdr Zaini menyokong dan majlis sebulat suara menerima.

3.0 Laporan Bendahari

- 3.1 Sdr. Alias telah membentangkan penyata kewangan Protemp sehingga 13 Disember 2009.
- 3.2 Sdr. Alias juga telah memaklumkan penyata kira-kira yuran keselamatan yang dikutip sehingga November 2009. Terdapat sebilangan penduduk Alam Budiman yang masih belum membuat sumbangan yuran keselamatan sehingga menyukarkan Protemp membuat pembayaran kepada syarikat yang telah dilantik.
- 3.3 Sdr Dominic juga memberi penerangan tentang langkah langkah keselamatan yang telah diambil berikutan perkara yang dibangkitkan oleh Encik Zulkefli mengenai rumah beliau yang telah dipecah masuk semasa perayaan Hari Raya Puasa yang lalu. Kes tersebut masih lagi di bawah siasatan pihak berkuasa.
- 3.4 Sdr Zulkefli mencadangkan agar yuran sekuriti dikutip mengikut sistem anjal, dimana kutipan akan berdasarkan kepada jumlah rumah yang diduduki. Sdr Alias memberitahu bahawa ianya agak susah untuk dilaksanakan berdasarkan trend bayaran yang tidak menentu pada masa kini.
- 3.5 Pengerusi Protem ABRA Sdr Zainal Ibrahim mencadangkan kepada Sdr Zulkefli agar beliau mengendalikan pentadbiran pembayaran mengikut sistem anjal yang dicadangkan beliau, kerana ABRA tidak mampu melaksanakannya, walaubagaimanapun Sdr Zulkefli menolak cadangan tersebut. Semua yang hadir bersetuju kadar bayaran untuk sekuriti akan dikaji 3 bulan sekali.

- 3.6 Buat masa sekarang, sehingga pendaftaran ABRA diluluskan, segala kutipan dana akan menggunakan akaun persendirian sdr Alias selaku bendahari Protemp.

4.0 Laporan Ketua Biro Sukan dan Rekreasi

- 4.1 Sdr. Azman memaklumkan kepada majlis senarai AJK Biro dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Biro Sukan dan Rekreasi. Diantara aktiviti yang sedang berjalan ialah permainan badminton dan sepak takraw bertempat di Gelanggang badminton Anggun dan juga di Dewan kelana Jaya. Beberapa aktiviti lain juga dicadangkan seperti futsal dan bola sepak. Segala aktiviti yang dirancang akan dimasukkan kedalam alambudiman.net.

5.0 Laporan Ketua Biro Kebajikan dan Kemasyarakatan.

- 5.1 Sdr. Zulkifli telah memaklumkan senarai nama AJK Biro yang telah dilantik dan telah dimasukkan kedalam alambudiman.net.
- 5.2 Diantara aktiviti yang telah dijalankan ialah bekerjasama dengan AJK Surau semasa Majlis Penyerahan Kunci Surau oleh pihak pemaju yang telah diadakan pada 29 November 2009, membuat kunjungan ke rumah penduduk yang baru pindah dan juga mengadakan mesyuarat diantara ketua blok presint masing.masing.

6.0 Laporan Ketua Biro Ekonomi

- 6.1 Sdr Rosnu selaku ketua biro ekonomi yang baru dilantik memaklumkan bahawa projek pertama biro adalah program kitar semula yang akan diadakan pada 21 Disember 2009. Sebuah syarikat kontraktor telah dipilih untuk membeli semua barangan terpakai yang akan disumbangkan oleh penduduk. Bayaran yang diterima akan dimasukkan ke Tabung ABRA.
- 6.2 Beliau berharap warga AB akan dapat sama sama membantu dengan memberi ide ide baru yang lain.

7.0 Laporan Ketua Biro IT

- 7.1 Sdr Isman selaku Ketua Biro IT memaklumkan bahawa terdapat ramai warga AB yang telah mendaftar di laman web alambudiman.net. Pemantauan selalu dibuat bagi memastikan tiada masalah dan isu yang boleh menyebabkan keadaan yang tidak menyenangkan berlaku sewaktu melayari laman web tersebut.
- 7.2 Beliau juga memaklumkan bahawa beliau telah dibantu oleh beberapa orang ajk agar pemantauan lebih kerap dapat dilakukan terhadap laman web alambudiman.net

8.0 Laporan Ketua Biro Keselamatan

- 8.1 Sdr Azwan menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Sdr Zulkifley pada awal mesyuarat dimana beliau memaklumkan bahawa yuran keselamatan yang disumbangkan oleh penduduk AB adalah jumlah minima yang perlu disumbangkan memandangkan hampir 40% penduduk AB tidak menyumbang kepada yuran keselamatan.
- 8.2 Caj yang dikenakan oleh Syarikat Keselamatan yang dilantik adalah yang paling rendah berbanding harga semasa. Dengan jumlah 4 orang pengawal keselamatan yang bertugas dari pukul 12 malam hingga 7 pagi.
- 8.3 Sekiranya setiap rumah menyumbang pada masa yang telah ditetapkan, sudah pasti jumlah sumbangan tersebut boleh dikurangkan dan pihak Protemp tidak mempunyai masalah untuk membuat bayaran.

- 8.4 Sdr Azwan juga memaklumkan bahawa pengawal yang menjaga di pondok utama pintu masuk ke AB adalah pengawal dibawah pengurusan oleh pihak SHL dan bukan dilantik oleh ABRA.
- 8.5 Pelekat (Sticker) keselamatan yang telah dikuatkuasakan pada 30 November 2009 bertujuan untuk mengawal kenderaan keluar masuk AB. Sekiranya ada pelekat keselamatan, dengan mudah pihak pengawal keselamatan ataupun penduduk AB mengenali akan kenderaan tersebut.
- 8.6 Makluman mengenai pelekat keselamatan ini telah diwar-warkan melalui laman web dan juga surat (sila rujuk surat bertarikh 21 November 2008) yang telah diedarkan. Warga AB juga boleh merujuk kepada nombor telefon Protemp yang terdapat pada banner yang diletakkan di pintu masuk AB.
- 8.7 Sdr Muhaimin mencadangkan supaya pelekat keselamatan diberikan secara percuma kepada pemilik kenderaan yang masih tidak membelinya walaupun beberapa peringatan telah dibuat. Pihak Protemp bersetuju untuk melaksanakannya.
- 8.8 Biro Keselamatan diberitahu bahawa terdapat pengawal keselamatan yang tidak menjalankan tugas dengan betul. Sdr Azwan memaklumkan bahawa sekiranya warga AB mendapati hal yang sedemikian, sila hubungi beliau atau mana-mana AJK Protemp untuk tindakan segera. Sebelum ini terdapat beberapa pengawal keselamatan yang telah diberhentikan kerana tidak menjalankan tugas dengan betul.
- 8.9 Sdr Syawal dan Sdr Marzuki telah memberikan komen yang positif terhadap pengawal keselamatan apabila mereka dapat membantu warga AB di dalam menjaga keselamatan. Cuma beliau harapkan penampilan yang lebih baik oleh pengawal keselamatan terutama dari segi pakaian dan sebagainya.

9.0 Ucapan Penangguhan

Sdr Pengerusi Protemp, Zainal Ibrahim memaklumkan bahawa pintu perbincangan bersama protemp sentiasa dibuka tanpa ada sekatan. Warga AB yang mempunyai masalah boleh berhubung terus dengan beliau tanpa mengira masa ataupun AJK Protemp yang lain.

Beliau berharap agar, penduduk Alam Budiman dapat bersatu sebagai sebuah komuniti yang budiman, tiada prasangka buruk, saling membantu dan bersatu hati.

Sdr Pengerusi majlis mengakhiri majlis dengan tasbih kifarah dan surah An-Asr. Beliau juga berharap agar warga AB tidak berpecah belah dan dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing. Majlis ditamat dan ditangguhkan pada jam 12.30 malam

Disediakan oleh ;



Azhar Aziz
Naib Setiausaha ABRA Protemp

Dipengerusikan oleh ;



Zainal Ibrahim
Pengerusi ABRA ProTemp